

06 APR 1999

Abdullah-Mahathir

DR MAHATHIR HIDAP BRONKITIS, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) kerana menghidap bronkitis dan bukannya masalah jantung, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Katanya keadaan kesihatan Dr Mahathir adalah stabil dan beliau masih berehat.

"Satu kenyataan telah dibuat. Beliau menghidap bronkitis, ada kaitan dengan dada...paru-parunya," katanya semasa ditanya pemberita di lobi Parlimen mengenai sebab Dr Mahathir dimasukkan ke hospital.

"Bagaimanapun ia bukan mengenai jantungnya, tiada kena mengena dengan jantungnya, jika itulah anggapan kamu," katanya.

Abdullah berkata beliau menghubungi IJN pagi ini bertanyakan mengenai keadaan Dr Mahathir dan diberitahu bahawa Dr Mahathir perlu berehat.

"Tiada apa yang harus dibimbangkan buat masa ini. Saya berpendapat beliau perlu diberi peluang berehat secukupnya.

"Kita semua tahu jika Perdana Menteri dibenarkan keluar awal dari hospital, beliau pasti akan menganjurkan banyak perkara dan cuba melakukan pelbagai urusan, tetapi pihak hospital berpendapat beliau perlu berehat," katanya.

Ditanya bila agaknya Dr Mahathir akan dibenarkan keluar hospital, Abdullah berkata beliau tidak tahu bila dan ia bergantung kepada keputusan hospital.

"Sudah pastinya beliau memerlukan banyak rehat. Jika kita serahkan kepada Perdana Menteri, beliau mahu keluar sekarang juga. Beliau memang begitu...beliau tidak sabar untuk kembali ke pejabat membuat kerjanya tetapi para doktor berpendapat beliau perlu berehat." katanya.

Dr Mahathir dimasukkan ke IJN Jumaat lalu selepas mengerjakan haji di Makkah. Menurut satu kenyataan dari pejabatnya pada Ahad, Perdana Menteri dimasukkan ke hospital kerana infeksi paru-paru dan dinasihatkan doktor supaya berehat secukupnya.

Ditanya mengenai cakap-cakap bahawa Perdana Menteri sakit teruk, Abdullah berkata:"Tak adalah...ini cerita-cerita yang tidak patut direka. Tak eloklah cakap begitu."

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri turut ditanya sama ada bekas ketua pemuda Umno Pulau Pinang Dr Abdul Rahim Ghouse telah ditahan, beliau berkata: "Saya tidak dengar sebarang berita yang Abdul Rahim telah ditahan."

-- BERNAMA

HS RON